

Nama :

Tahun 6:

Arahan :

Baca pertikan di bawah dengan teliti dan lengkapkan petikan dengan pelbagai kata tugas yang sesuai.



Kata Tugas

Biar Putih Tulang

Alkisah pada zaman dahulu, kehidupan sekumpulan haiwan di sebuah negeri umpama tikus jatuh ke beras. Mereka hidup dengan aman damai.

Malangnya, pada suatu hari, negeri mereka telah diserang oleh jentolak. Negeri mereka diceroboh secara haram. Dengan rakusnya, jentolak itu menumbangkan pokok-pokok yang telah berusia beratus-ratus tahun.

Syahadan, Sang Gajah yang gagah seperti Badang memanggil warga negeri itu berkumpul.

Seterusnya, Sang Gajah berkata, "Wahai penduduk negeri Indah Permai, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh!"

"Marilah kita bersatu hati mempertahankan negeri ini hingga titisan darah terakhir," kata Sang Merang.

Tiba-tiba, haiwan-haiwan di situ terdengar suatu suara.

"Ah, aku mahu lari dari sini!" kata Sang Biawak yang menyebabkan haiwan lain terpaku bagaikan dipanah halilintar.

"Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri. Aku tetap cinta akan negeriku," kata Sang Siput sambil mengesot ke arah Sang Biawak.

"Biar putih tulang, jangan putih mata," kata Sang Gajah.

Akhirnya, .



Akhirnya, berlakulah peperangan yang _____ dahsyat. Sang Burung telah membawa batu _____ dilepaskan _____ pemandu jentolak.

"_____, sakitnya!" kata pemandu jentolak. Pemandu jentolak telah melarikan diri _____ tidak mampu berlawan dengan haiwan-haiwan tersebut.

kerana	kepada
lalu	amat
Aduh	